



## SIARAN MEDIA

---

### PENGENALAN LOGO BAHARU JABATAN TENAGA ATOM

---

**DENGKIL, 19 JUN 2024** – Jabatan Tenaga Atom dengan sukacitanya mengumumkan pengenalan logo rasmi jabatan yang baharu. Pengenalan logo baharu ini adalah susulan daripada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung penamaan Jabatan Tenaga Atom dengan penggunaan singkatan Atom Malaysia.

Konsep reka bentuk logo secara keseluruhannya melambangkan transformasi yang dibentuk oleh Atom Malaysia adalah seiring dengan visi, misi, objektif dan fungsi jabatan ini dalam memastikan penggunaan tenaga atom adalah selamat, terjamin dan dikawal guna demi melindungi masyarakat, pekerja dan alam sekitar.

Sebagai Jabatan di bawah naungan kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) perkataan “ATOM” itu dipilih agar seiring dengan slogan kementerian iaitu merakyatkan sains, menginsankan teknologi, mengarusperdanakan inovasi, fokus kepada saintifik, mudah diingati dan difahami oleh orang ramai.

Reka bentuk logo menggabungkan tiga elemen iaitu warna merah manggis (maroon) yang menggambarkan warna korporat Jabatan Tenaga Atom dan peneraju kegemilangan berpanjangan, tiga (3) bulatan hitam dengan orbit mengelilingi nukleus merupakan elemen utama dalam kawal selia penggunaan tenaga atom di Malaysia meliputi aspek keselamatan, sekuriti dan kawalgunaan (Safety, Security & Safeguards) serta huruf yang bercirikan moden, profesional dan ringkas. Rasional terperinci logo dilampirkan bersama.



Sehubungan itu, mulai 19 Jun 2024, **logo baharu Atom Malaysia** akan digunakan secara rasmi ke atas segala urusan berkaitan dengan jabatan ini.

---

**#TAMAT#**

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia)  
Dikeluarkan pada 19 Jun 2024